

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian sudah mengkaji semula kursus-kursus yang ada di IKBN, Kolej Komuniti, Institut Kemahiran MARA dan lain-lain kepada kursus-kursus yang memberi nilai pendapatan yang tinggi seperti perniagaan atas talian, kursus-kursus untuk keperluan industri minyak dan gas dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran MARA adalah di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Di peringkat kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menawarkan program sepenuh masa dan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) iaitu kursus pendek kepada komuniti amnya dan masyarakat setempat khususnya. Program PSH dilaksanakan secara fleksibel, mengikut permintaan warga setempat, bertujuan untuk membentuk komuniti yang lebih dinamik dan membantu dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta taraf sosio ekonomi.

NO. SOALAN : 23

Enam kumpulan fokus program ini ialah golongan miskin tegar, orang asli, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, belia, warga emas dan pesara. Terdapat 22 bidang kemahiran yang ditawarkan oleh kolej komuniti, antaranya adalah Katering dan Sajian; Jahitan dan Pakaian; Komputer dan Teknologi Maklumat; Perniagaan dan Keusahawanan; Kerohanian dan Keagamaan; Kecantikan dan Dandan; Grafik dan Multimedia; Program Industri; serta Elektrik dan Elektronik.

Pada tahun 2016 dan 2017, kolej komuniti telah berkerjasama dengan pihak *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) melalui program eUsahawan Mikro dan eRezeki. Sebanyak 5,255 penyertaan program eUsahawan Mikro dan sebanyak 6,036 penyertaan eRezeki.

Bermula tahun 2017, kolej komuniti juga bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Program Transformasi Minda (PTM) untuk melaksanakan program keusahawanan dengan tajaan di bawah KPDNHEP. Pada tahun 2017, seramai 713 peserta dan pada tahun 2018 seramai 215 peserta telah menyertai PTM. Bagi pelaksanaan PTM tahun 2019, KPDNHEP mensasarkan PTM dilaksanakan dengan 19 kolej komuniti dengan 20 sesi program.

Pada tahun 2018, sebanyak 2,579 penyertaan dalam kursus berkaitan perniagaan atas talian telah dilaksanakan dan sehingga Ogos 2019, sebanyak 1,558 penyertaan dalam kursus berkaitan perniagaan atas talian telah dilaksanakan. Antaranya kursus *Shopee: Online Marketing, Basic Digital & Facebook Marketing, Usahawan Atas Talian (Digital Marketing & Online Business)* dan *Top Biz Online*.

Sekian, terima kasih.